

11 MAY 2001

Castro-Tiba

FIDEL CASTRO DIBERI SAMBUTAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro yang tiba di sini awal pagi ini bagi lawatan tiga hari, diberikan sambutan penuh istiadat di Medan Parlimen.

Ketibaan beliau di Medan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri Kabinet turut hadir.

Presiden Cuba itu kemudiannya memeriksa barisan kehormat yang terdiri empat pegawai dan 104 anggota Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja yang dipimpin oleh Mej Ariffin Simon. Tembakan meriam sebanyak 21 das turut dilepaskan.

Castro kemudiannya diperkenalkan kepada barisan menteri-menteri Kabinet dan para diplomat.

Ini merupakan lawatan pertama Castro ke Malaysia atas jemputan Yang di-Pertuan Agong.

Sebelum itu, ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang pada kira-kira pukul 12.30 tengah malam tadi disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sebelum ke Malaysia, Castro telah melawat Algeria dan Iran.

Lawatan itu dibuat selepas setahun Persidangan Kemuncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di Havana yang telah dihadiri oleh lebih 60 pemimpin, termasuk Dr Mahathir yang pertama kali melawat Cuba pada 1997.

Castro dijadual akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya sebelum menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama dua hala.

Presiden itu juga dijadual akan menyampaikan syarahan umum mengenai globalisasi di satu majlis yang dianjurkan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar.

Beliau juga akan mengadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara sebelum diraikan pada jamuan malam negara.

Cuba membuka kedutaannya di Kuala Lumpur pada 1998 manakala Malaysia membuka Pejabat Perwakilan Tetapnya di Havana Mac lepas.

-- BERNAMA

HBM HS RHM